

# Penyejajaran Strategik Maqasid Syariah Untuk Pembangunan Industri Lembu dan Produk Daging Halal: Kajian Kebolehlaksanaan di Negara Brunei Darussalam

**BITARA**

Volume 6, Issue 3, 2023: 262-273  
© The Author(s) 2023  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 20 July 2023  
Accepted: 20 August 2023  
Published: 30 September 2023

## [The Maqasid Syariah Strategic Alignment for Cattle Industry and Halal Meat Products Development: A Feasibility Study in Brunei]

Norkhairiah Hashim,<sup>1</sup> Zeiad Amjad Abdul Razak,<sup>1</sup> Nurdeng Deuraseh,<sup>1</sup>  
Abdurrahman Haqqi,<sup>1</sup> Raihana Mohd Raffi,<sup>1</sup> & Noorhizrah Mohamed<sup>1</sup>

1 Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 347, Jalan Pasar Gadong, Bandar Seri Begawan, BRUNEI  
Email: norkhairiah.hashim@unissa.edu.bn; amjad.aghwan@unissa.edu.bn; nurdeng.deuraseh@unissa.edu.bn; abdurrahman.haqqi@unissa.edu.bn; raihana.raffi@unissa.edu.bn; noorhizrah.mohammad@unissa.edu.bn

\*Corresponding Author: norkhairiah.hashim@unissa.edu.bn

### Abstrak

Maqasid Syariah adalah merupakan konsep penting dalam hukum Islam yang menekankan pentingnya mencapai tujuan utama syariah, iaitu dalam menjaga dan meningkatkan kesejahteraan manusia, menjaga agama, jiwa, akal, harta benda, dan keturunan. Industri ternakan lembu dan produk daging halal pula adalah merupakan salah satu industri yang mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara manakala pembangunan industri ini pula perlu melihat kepada beberapa faktor yang memberi impak kepada manusia dan persekitaran. Namun, sejauh manakah industri ternakan lembu dan produk daging halal ini pembangunannya sejajar dengan matlamat Maqasid Syariah. Oleh yang demikian, kajian ini adalah merupakan kajian awalan untuk meninjau keperluan dan kebolehlaksanaan penyejajaran Strategik Maqasid Syariah Untuk Pembangunan Industri Lembu dan Daging Halal di Negara Brunei Darussalam. Pensejajaran strategik maqasid syariah bagi pembangunan industri ternakan dan produk daging halal adalah merupakan proses jangka panjang yang memerlukan komitmen daripada semua pihak yang berkepentingan. Walau bagaimanapun, hasil penyesuaian strategik ini dijangka akan dapat memberi manfaat kepada industri lembu dan daging halal khususnya dalam hal pertumbuhan ekonomi, peningkatan pengeluaran ternak yang berterusan, dan peningkatan kesejahteraan haiwan dan juga pengguna. Di samping itu, penyesuaian strategik ini akan membantu memastikan bahawa industri ini mematuhi prinsip-prinsip dan undang-undang Islam. Selain daripada itu juga, penyejajaran strategik maqasid syariah dengan pembangunan industri lembu dan produk daging halal juga adalah dilihat sangat penting bagi memastikan bahawa industri ini dikendalikan secara berterusan dan beretika. Ini akan melibatkan komitmen kepada prinsip-prinsip undang-undang Islam dan pelaksanaan dasar yang berkesan untuk memastikan kesejahteraan haiwan dan alam sekitar.

**Kata kunci:** Maqasid Syariah, Pengurusan Strategik, Kebolehlaksanaan, Pembangunan, Industri Ternakan

## Abstract

Maqasid Shariah is an important concept in Islamic law that emphasizes the importance of achieving the main goal of Shariah, which is to protect and improve human well-being, protect religion, soul, intellect, property, and descendants. The cattle breeding and halal meat products industry is one of the industries that can contribute to the country's economic growth, while the development of this industry needs to look at several factors that have an impact on humans and the environment. However, to what extent is the development of the cattle breeding and halal meat products industry in line with the goals of Maqasid Syariah. As such, this study is a preliminary study to review the need and feasibility of aligning the Strategic Objectives of Sharia for the Development of the Beef and Halal Meat Industry in Brunei Darussalam. The strategic alignment of sharia objectives for the development of the livestock industry and halal meat products is a long-term process that requires commitment from all stakeholders. However, the result of this strategic adjustment is expected to benefit the cattle and halal meat industry especially in terms of economic growth, continuous increase in livestock production, and improvement in the welfare of animals and consumers. In addition, this strategic adjustment will help ensure that the industry complies with Islamic principles and laws. Apart from that, the strategic alignment of maqasid sharia with the development of the beef industry and halal meat products is also seen as very important to ensure that this industry is operated continuously and ethically. This will involve a commitment to the principles of Islamic law and the implementation of effective policies to ensure the welfare of animals and the environment.

**Keywords:** *Maqasid Shariah, Strategic Management, Feasibility, Development, Livestock Industry*

### Cite This Article:

Norkhairiah Hashim, Zeiad Amjad Abdul Razak, Nurdeng Deuraseh, Abdulrahman Haqqi, Raihana Mohd Raffi, Noorhizrah Mohamed. (2023). *Penyejajaran Strategik Maqasid Syariah Untuk Pembangunan Industri Lembu dan Produk Daging Halal: Kajian Kebolehlaksanaan di Negara Brunei Darussalam [The maqasid syariah strategic alignment for cattle industry and halal meat products development: A Feasibility Study in Brunei]*. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(3): 262-273.

## Pengenalan

Maqasid Syariah adalah merupakan konsep penting dalam hukum Islam yang menekankan pentingnya mencapai tujuan utama syariah, iaitu dalam menjaga dan meningkatkan kesejahteraan manusia, menjaga agama, jiwa, akal, harta benda, dan keturunan. Jelasnya, teori maqasid syariah ini menekankan kepada bentuk dan tujuan syariat dalam kehidupan (Mohd Rumaizuddin, 2014). Hal yang demikian ini juga dinyatakan oleh Al-Yubi (1998) bahawa takrifnya adalah menjurus kepada maksud dan hikmah yang dikehendaki oleh syarak sama ada secara umum atau secara khusus adalah semata-mata untuk mencapai masalah atau kesejahteraan untuk manusia.

Maqasid syariah adalah merupakan sebuah keilmuan yang semakin berkembang dan bukanlah satu perkara yang baharu dalam dunia moden di abad ini manakala agenda mengenainya sering dikaitkan dalam pelbagai aspek perbincangan terutama sekali yang ada kaitannya dengan sistem pembangunan sesebuah negara Islam bagi menggubal dasar-dasar yang berkaitan dengan sosial, ekonomi dan politik agar selari dengan kehendak syarak (Setiawan, 2019). Oleh yang demikian, kepentingan penyejajaran maqasid syariah dalam mana-mana kerangka pembangunan dan pelaksanaan sesuatu organisasi sudah masanya diberi

perhatian bukan hanya kerana tujuannya menjaga dan meningkatkan kesejahteraan manusia dari aspek keadilan, sosial, kesihatan, perlindungan malahan juga dalam pembangunan ekonomi dan lain-lain matlamat lagi.

## Latarbelakang

Sebagaimana yang tercatat dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dan falsafah negara Melayu Islam Berapa (MIB), Islam adalah merupakan agama rasmi Negara Brunei Darussalam. Akidah Ahlus Sunnah Waljama'ah, Mazhab Shafie pula menjadi anutan yang wajib dihayati dan dijadikan sebagai cara hidup yang unggul dan syumul. Brunei Darussalam juga memberi keutamaan terhadap peranan agensi-agensi ugama seperti Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Mufti Kerajaan dalam pelaksanaan sistem keagamaan Islam sebagai aspek utama dalam melaksanakan warisan perlembagaan Brunei ini (Mohd Hadi, 2014). Berdasarkan kepada Perlembagaan ini, maka Kerajaan Brunei menjalankan dasar dengan memfokuskan kepada kebajikan, kesejahteraan, serta keamanan rakyat dan penduduk. Ke arah itu, kerajaan Brunei juga telah menekankan dan menggariskan ciri-ciri pentadbiran dan pengurusan agar mencapai hasrat kerajaan menjadikan Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang aman dan makmur.

Oleh yang demikian, dalam era globalisasi masa kini, negara Brunei Darussalam dalam mencapai matlamatnya memajukan pembangunan negara dari aspek sosial, ekonominya dan lain-lainnya dinilai mementingkan kesejajaran dan keseimbangan antara pelaksanaan sistem keagamaan Islam dan pengurusan atau urus tadbir yang akhirnya bertujuan mencapai kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara. Menurut Khairil Anwar (2021), apabila maqasid syariah ini tidak dijaga dengan baik, maka kehidupan manusia dalam pandangan syariat akan menjadi tidak stabil bahkan mengalami kerosakan. Berdasarkan hal ini, diandaikan bahawa bukanlah suatu yang sukar untuk melaksanakan penyejajaran strategik maqasid syariah terhadap apa jua urus tadbir organisasi di dalam sesebuah negara itu namun setakat mana sesebuah organisasi tersebut merasakan keperluan dan kebolehlaksanaan penyejajaran strategik maqasid syariah dalam urus tadbir perkhidmatan organisasi tersebut.

Saranan menjadikan maqasid syariah sebagai prasyarat kepada kejayaan negara adalah bertepatan dalam mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 pada 23 Februari 2018, di mana titah baginda: *'Sebagai sebuah negara Islam yang progresif, pengukuhan Maqasid Syariah adalah menjadi prasyarat kepada kejayaan negara dan pengukuhan ini adalah penting sebagai pemangkin ke arah memastikan negara terus menuai kemakmuran dan kesejahteraan'*.

## Strategik Maqasid Syariah dalam Perspektif Islam

Menurut perspektif Islam, matlamat dan tujuan terakhir ketetapan hukum syarak itu adalah untuk kebaikan dan kesejahteraan makhluk di muka bumi ini. Semua ini dikaitkan dengan ketetapan Allah untuk memberikan segala kebaikan dan kesejahteraan (*maslahah*) kepada manusia dan juga untuk menghindari segala bentuk kerosakan dan kebinasaan (*mafsadah*)

daripada menimpa manusia (As Syathibi, 1996). Hal ini adalah jelas menunjukkan bahawa konsep yang dibawakan oleh maqasid syariah itu pada dasarnya menjelaskan dan menghuraikan serta menghubungkan kehidupan manusia pada masa kini dengan keadaan sekeliling yang sebenarnya.

Berdasarkan huraian di atas, matlamat maqasid syariah itu cukup lengkap meliputi pelbagai aspek matlamat dan apa yang paling penting dan *dharuri* adalah matlamatnya untuk kesejahteraan di dunia hingga ke alam akhirat (Al Ghazali, 1997). Maqasid syariah ini sifat strategiknya cukup mantap kerana merangkumi dua aspek yang tidak hanya tertumpu semata-mata dengan kehidupan di dunia malah juga untuk kehidupan yang lebih kekal. Hal ini jelas disebutkan dalam Al Quran dalam Surah al-Jatsiah ayat 18 sebagaimana Firman Allah Taala:

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: Kemudian Kami jadikan kamu berada di atas suatu syariat (peraturan) dari urusan agama itu, maka ikutilah syariat itu dan janganlah kamu ikuti hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui. (QS. 45:18).

## Industri Ternakan Lembu dan Produk Daging Halal di Negara Brunei Darussalam

Membangunkan industri ternakan lembu di Negara Brunei Darussalam, semenjak kajian yang dijalankan pada tahun 1978 oleh Groome, Jeremy St. John mendapati bahawa Brunei mempunyai potensi yang cukup besar selaku pengeluar ternakan lembu menerusi beberapa penggunaan bahan teknologi dan inovasi baik dari sudut fizikal ladang ternakannya, menambahbaik rumput makanan lembu dan termasuklah juga teknik pembiakan ternakan lembu. Kajian ini juga mendapati, kemampuan kerajaan Brunei dalam mempromosikan industri ternakan lembu menerusi perancangan pembangunan negara yang melibat peruntukan antara 6 ke 21 juta ringgit Brunei.

Secara umumnya, menurut laporan statistik berkenaan industri lembu dan pencapaiannya sehingga pada tahun 2021, Brunei Darussalam telah menunjukkan peningkatan yang sangat signifikan terutama dalam menyokong dan mencapai sasaran dan matlamat utama negara dalam meningkatkan tahap pengupayaan sara sendiri dan peningkatan sekuriti makanan dalam negeri.

Rajah Jadual 1 di bawah ini menunjukkan ringkasan industri lembu di Negara Brunei Darussalam sekitar tahun 2021 yang mana menunjukkan bahawa industri lembu dan kerbau yang ditenak dan disembelih di Brunei adalah sekitar 485 ekor manakala jumlah lembu dan kerbau yang diimport hidup-hidup dan disembelih di Brunei pula mencecah jumlah 16,682 ekor. Statistik ini telah menunjukkan bahawa industri daging di Negara Brunei Darussalam adalah cukup aktif untuk memenuhi keperluan pengguna di Negara Brunei Darussalam.

SUMMARY OF BEEF INDUSTRY 2021					
TYPE OF LIVESTOCK	LOCAL (SLAUGHTERED)				
	Quantity (Head)	Live Weight (Mt)	Dressing (%)	Dressed Weight (Mt)	Retail Value (B\$ Mil)
Buffalo	423	148.05	50	74.03	1.10
Cattle	62	15.50	50	7.75	0.18
<b>TOTAL</b>	<b>485</b>	<b>163.55</b>		<b>81.78</b>	<b>1.28</b>
TYPE OF LIVESTOCK	IMPORT LIVE BUFFALO & CATTLE (SLAUGHTERED)				
	Quantity (Head)	Live Weight (Mt)	Dressing (%)	Dressed Weight (Mt)	Retail Value (B\$ Mil)
Buffalo	3,007	1,202.80	52	625.46	9.22
Cattle	13,675	5,196.50	60	3,117.90	73.45
<b>TOTAL</b>	<b>16,682</b>	<b>6,399.30</b>		<b>3,743.36</b>	<b>82.67</b>

Rajah Jadual 1: Sumber: Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (2022)

## Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini adalah merupakan kajian awalan untuk meninjau keperluan dan kebolehlaksanaan penyediaan strategik maqasid syariah untuk pembangunan industri lembu dan daging Halal di Negara Brunei Darussalam.

Adapun objektif utama kajian ini adalah untuk meninjau apakah diantara elemen-elemen penting yang menjadi keperluan utama dalam usaha membangunkan industri ternakan lembu dan produk daging halal di samping mengetahui sejauh manakah kebolehlaksanaannya jika usaha penyediaan ini diimplementasikan di Negara Brunei Darussalam. Selain itu, kajian ini juga diharapkan akan dapat menghasilkan satu kerangka jadual yang memaparkan penyediaan maqasid syariah dan elemen utama dalam pembangunan industri ternakan lembu dan produk daging halal.

## Metodologi

Kajian awalan ini adalah berdasarkan kepada analisis kajian daripada rujukan yang bersifat deskriptif. Selain itu, maklumat dan dapatan kajian yang terdapat dalam jurnal, artikel, buku mahupun laman web juga dijadikan sebagai data sekunder. Apa yang menjadi dapatan utama atau sumber primer daripada kajian ini adalah data juga yang diperoleh daripada temubual yang melibatkan beberapa sampel yang terlibat dalam industri ternakan lembu dan produk daging halal termasuklah juga pihak penggubal dan pelaksana dasar mengenai pembangunan industri ternakan dan pengeluar produk daging halal. Hasil analisis tematik daripada data-data yang didapatkan dijangka dapat membantu pengkaji menghasilkan rajah jadual penyediaan strategik maqasid syariah dengan elemen-elemen pembangunan industri ternakan lembu dan produk daging halal.

## Dapatan

Fokus utama kajian awalan ini adalah untuk mengetahui keperluan dan kebolehlaksanaan penyediaan strategik maqasid syariah untuk pembangunan industri lembu dan daging Halal di

Negara Brunei Darussalam dari perspektif pengusaha industri dan termasuklah juga pengamal dasar bagi industri ternakan lembu dan produk daging halal di samping mengetahui apakah diantara elemen-elemen penting yang menjadi keperluan utama dalam usaha membangunkan industri ternakan lembu dan produk daging halal.

## **Keperluan Dan Kebolehlaksanaan Penyejajaran Strategik Maqasid Syariah Dan Pembangunan Industri Lembu Dan Daging Halal**

Kajian ini mendapati bahawa majoriti sampel kajian menyatakan persetujuan tentang keperluan dan kebolehlaksanaan penyejajaran strategik maqasid syariah terhadap pembangunan industri lembu dan produk daging halal. Secara amnya, ketiga-tiga sampel kajian walaupun memberikan penghuraian dari aspek yang berbeza namun dapat disimpulkan bahawa maksudnya adalah sama dan menjurus kepada peranan dan tanggungjawab pengusaha muslim dalam melaksanakan tuntutan agama selaras dengan matlamat, tujuan atau maqasid syariah.

Berdasarkan dapatan temubual daripada beberapa sampel kajian awalan ini, dapatlah digambarkan naratif transkrip daripada temubual tersebut sebagaimana berikut:

### **Sampel 1:**

[sebagai negara Islam... kita juga pengusaha yang beragama Islam... tidak dinafikan bahawa perkara ini perlu dilaksanakan selaras dengan kehendak agama Islam... sembelihan yang betul dan menepati kehendak syarak... pemprosesan yang menepati kehendak dan syarat sijil dan permit halal .. itu jua sebahagian daripada syarak... Pusat penyembelihan yang baik dan efisien ... ia akan dapat memastikan bahawa daging yang dihasilkan itu adalah baik untuk dimakan oleh orang awam... dan bukan itu sahaja .. ia juga memberikan nutrisi yang baik... yang diperlukan oleh tubuh badan manusia]

### **Sampel 2:**

[Penyelarasan maqasid syariah ini mungkin sesuatu yang baru terutama kepada mereka yang kurang tahu tentang lima perkara utama yang terdapat di dalamnya ... akan tetapi bila sudah ianya dipelajari dan difahami ... rupanya prinsip atau dasar yang ada didalamnya adalah bukan sesuatu yang sukar dan memang suatu yang sudah menjadi amalan atau praktik yang perlu dibuat oleh para pengusaha atau penternak lembu ... jadinya bila perkara ini diberigakan kepada setiap pengusaha ... maka ia akan tidak secara langsung menjadi panduan supaya apa yang diusahakan sama ada ternakan atau apa jua produk yang dihasilkan itu adalah dilaksanakan secara beretika ... saya sangat bersetuju jika perkara ini disebarluaskan ke pengetahuan semua pengusaha... ]

## Sampel 3:

[ini adalah merupakan prinsip dan ajaran Islam yang perlu kita laksanakan supaya kita tidak akan dituntut di akhirat kelak... jika kita yakin bahawa apa jua suruhan agama itu ... tentu akan memberi manfaat yang sangat besar ... tidak kira dari segi ekonominya dan kebaikannya kepada manusia secara keseluruhannya .. tambahan lagi dengan kemudahan yang ada ... teknologi sains dan kejuruteraan akan menjadikan pelaksanaannya lebih mudah dan lancar...saya berkeyakinan bahawa pelaksanaan penyejajaran ini bukannya sesuatu yang sukar dilaksanakan kerana kita perlu berpegang teguh dengan apa jua ajaran agama tambahan lagi perusahaan ini dikaitkan dengan penyembelihan yang sudah semestinya mewajibkan kita memastikan ianya sebetul-betulnya diproses dengan betul dan halal serta selamat untuk dimakan terutama sekali dari kalangan orang yang beragama Islam malahan juga dilaratkan lagi kepada yang bukan beragama Islam]

Untuk merungkai hasil dapatan berkenaan tema yang dikaitkan dengan aspek keperluan dan kebolehlaksanaan, maka ringkasan mengenainya dapatlah digambarkan sebagaimana yang terdapat pada jadual 1 dan 2 berikut ini:

Jadual 1: Analisis berkenaan keperluan pensejajaran

Keperluan:	Sampel 1	Sampel 2	Sampel 3
Sangat perlu	x	x	x
Tuntutan agama	x		x
Menepati kehendak syarak	x		
Jadi panduan		x	
Memberi kebaikan kepada manusia			x
Memberi kebaikan kepada haiwan			x

Jadual 2: Analisis berkenaan kebolehlaksanaan penyejajaran

Kebolehlaksanaan:	Sampel 1	Sampel 2	Sampel 3
Dapat dilaksanakan	x	x	x
Tidak sukar	x		x
Menerusi pemberigaan		x	
Menjadi amalan		x	
Kemudahan tersedia			x
Bantuan teknologi			x

Secara amnya, hasil kajian ini mendapati beberapa perkara yang dijangka akan dapat memberi manfaat kepada industri lembu dan daging halal menerusi penyejajaran maqasid syariah dan pembangunan industri ternakan lembu dan produk daging khasnya dalam hal

pertumbuhan ekonomi, peningkatan pengeluaran ternak yang berterusan, dan peningkatan kesejahteraan haiwan dan juga pengguna. Di samping itu, penyesuaian strategik ini akan membantu memastikan bahawa industri ini mematuhi prinsip-prinsip dan undang-undang Islam. Selain daripada itu juga, penyejajaran strategik maqasid syariah dengan pembangunan industri lembu dan produk daging halal juga adalah dilihat sangat penting bagi memastikan bahawa industri ini dikendalikan secara berterusan dan beretika. Ini akan melibatkan komitmen kepada prinsip-prinsip undang-undang Islam dan pelaksanaan dasar yang berkesan untuk memastikan kesejahteraan manusia, haiwan dan termasuklah juga alam sekitar.

## Dimensi Penyejajaran Maqasid Syariah dan Pembangunan Industri Lembu dan Produk Daging Halal

Berdasarkan kepada lima cabang utama (*ad-dharuriyyah*) di dalam maqasid syariah iaitu *Hifz Ad Din* (Pemeliharaan Agama), *Hifz An Nafs* (Pemeliharaan Nyawa), *Hifz Al Aql* (Pemeliharaan Akal), *Hifz An Nasl* (Pemeliharaan Keturunan) dan *Hifz Al Maal* (Pemeliharaan Harta), maka beberapa faktor atau elemen paling asas dalam pembangunan industri ternakan lembu atau produk daging halal telah dikenal pasti melalui kajian ini sebagai sejajar atau selaras dengan kehendak maqasid yang merangkumi kelima-lima *ad dhaririyyah* tersebut.

- *Hifz Ad Din* (Pemeliharaan Agama)

Perkara utama dalam pembangunan industri ternakan lembu dan produk daging halal adalah memastikan segala nilai dan prinsip Islam hendaklah dijaga dengan baik dan diberikan sepenuh perhatian. Setiap langkah dan prosedur yang dilaksanakan adalah tidak bercanggah dengan kehendak syarak. Pengusaha dan pengeluar ternakan dan produk daging lembu halal hendaklah memastikan prinsip asas penyembelihan haiwan bertepatan dengan ajaran Islam malahan lebih daripada itu juga hendaklah berusaha untuk menggalakkan segala kebajikan haiwan sembelihan. Bagi memastikan prinsip-prinsip dan nilai-nilai ini terjaga antara yang perlu disediakan oleh para pengusaha adalah kesediaan mereka untuk menyediakan latihan profesional dan kepakaran atau latihan kemahiran dan kecekapan kepada seluruh penyembelih serta pemeriksa daging di perusahaan masing-masing (*Dipetik daripada sampel 1 & sampel 2*).

- *Hifz An Nafs* (Pemeliharaan Nyawa)

Untuk memastikan setiap makhluk yang ada tidak kira manusia, haiwan atau pun tumbuhan lainnya, para pengusaha industri penternakan dan pengeluar produk hendaklah sentiasa memastikan bahawa setiap langkah dan prosedur semasa pemprosesan hendaklah dipastikan dapat mengurangkan kesan negatif terhadap alam dan apa jua di sekitarnya. Oleh yang demikian, para pengusaha perlu mempersiapkan dan menyediakan suatu sistem, dasar atau peraturan yang tujuannya untuk mengawal aspek halal dan kualiti perkhidmatan dan produk yang dikeluarkan (*Dipetik daripada Sampel 3*).



- *Hifz Al Aql* (Pemeliharaan Akal)

Adapun dari aspek pemeliharaan akal, para pengusaha perlu menggalakkan perkembangan ilmu pengetahuan termasuklah juga peningkatan kapasiti dan kemahiran dalam kalangan pekerja di samping kekerapan mempromosikan pendidikan dan penyelidikan mengenai isu-isu terkini yang dikaitkan dengan industri ternakan lembu dan produk daging halal. Para pengusaha juga digalakkan untuk melaksanakan inisiatif perkongsian serta kerjasama dengan pelbagai pihak termasuklah pihak kerajaan, industri dan juga institusi-institusi penyelidikan (*Dipetik daripada sampel 3*).

Antara usaha yang boleh diketengahkan juga oleh para pengusaha industri ternakan dan produk daging adalah inisiatif membangunkan teknologi terkini menerusi usaha penyelidikan yang dilaksanakan (*Dipetik daripada sampel 3 dan sampel 2*)

- *Hifz An Nasl* (Pemeliharaan Keturunan)

Dalam perkara menjaga dan memelihara keturunan ini, antara langkah dan amalan yang digalakkan adalah dengan mewujudkan dan menjaga atau mengekalkan amalan kelestarian agar segala nikmat dan manfaat yang diperolehi dapat dinikmati bersama oleh generasi serta keturunan akan datang. Oleh yang demikian, untuk mengekalkan amalan kelestarian khususnya yang dikaitkan dengan perusahaan ternakan lembu dan produk daging halal adalah antaranya dengan menyokong para komuniti di sekitar berkenaan atau penduduk setempat untuk terlibat dengan perusahaan ternakan ataupun mewujudkan lebih banyak peluang untuk perniagaan dan pertanian mahupun penternakan (*Dipetik daripada sampel 3*)

- *Hifz Al Maal* (Pemeliharaan Harta)

Adalah menjadi tanggungjawab setiap pengusaha untuk memastikan keadilan dalam pelaksanaan strategik baik dalam amalan pemasaran mahupun penjualan. Aspek keadilan ini adalah sangat-sangat dituntut dalam Islam dan tidak digalakkan berlaku sebarang penganiayaan atau kerugian pada sebelah pihak. Oleh yang demikian, para pengusaha mahupun pihak-pihak lainnya terutama pihak kerajaan juga untuk saling membantu memperluaskan pasaran produk halal dengan menyediakan apa jua bentuk landasan atau platform untuk memudahkan akses kepada pembiayaan dan sumber lainnya, seperti tanah, ladang ternakan, makanan haiwan ternakan dan peralatan yang diperlukan untuk melengkapi perusahaan dan melancarkan proses pengeluaran produk (*Dipetik daripada sampel 1 dan sampel 3*).

Ringkasnya, gambaran dimensi penyejajaran strategik maqasid syariah dan pembangunan industri lembu dan produk daging halal itu dipaparkan di dalam kerangka jadual 3 berikut ini:

Jadual 3: Kerangka Penyejajaran Strategik Maqasid Syariah dan Pembangunan Industri Lembu dan Produk Daging Halal

Pensejajaran (Alignment)	1	2	3	4	5
Maqasid Syariah <i>Ad Dharuri</i> yang Lima	<i>Hifz Ad Din</i> (Pemeliharaan Agama) prinsip asas penyembelihan haiwan menggalakkan Kebajikan haiwan Nilai dan prinsip Islam	<i>Hifz An Nafs</i> (Pemeliharaan Nyawa) Mengurangkan kesan alam sekitar	<i>Hifz Al Aql</i> (Pemeliharaan Akal) Mempromosikan Pendidikan dan Penyelidikan	<i>Hifz An Nasl</i> (Pemeliharaan keturunan) Mewujudkan Amalan Lestari	<i>Hifz Al Maal</i> (Pemeliharaan Harta) Memastikan Keadilan dalam pasaran
Pembangunan Industri Lembu dan Produk Daging Halal	Latihan Penyembelih Halal dan pemeriksaan daging	Sistem dan peraturan kawalan halal dan kualiti	Perkongsian kerjasama merentas kerajaan, industri dan institusi penyelidikan Membangun teknologi	Menyokong Komuniti Setempat mewujudkan lebih banyak peluang untuk perniagaan dan petani	Membantu meluaskan pasaran produk halal menyediakan akses kepada pembiayaan dan sumber lain, seperti tanah, makanan dan peralatan

## Saranan dan Cadangan Kajian Lanjut

Berdasarkan dapatan kajian awal ini, penyejajaran strategik maqasid syariah dan pembangunan industri lembu dan daging halal di Negara Brunei Darussalam adalah merupakan salah satu

agenda yang menjadi tuntutan agama dan tidak dinafikan merupakan suatu keperluan manakala kebolehlaksanaan pula bukan suatu yang sukar. Beberapa saranan disenaraikan sebagaimana berikut:

1. Untuk memberikan kefahaman mengenai prinsip Maqasid Syariah kepada semua lapisan masyarakat.
2. Untuk mengetarakan serta mengukuhkan aplikasi Maqasid Syariah dilaksanakan dalam tadbir urus negara.
3. Untuk membudayakan Maqasid Syariah dalam pengurusan dan pentadbiran sesebuah organisasi

Oleh yang demikian juga, beberapa cadangan yang boleh diutarakan hasil daripada kajian awalan ini juga adalah usaha-usaha kepada kajian lanjut seperti berikut:

1. Kesan Pelaksanaan Penyejajaran Strategik Maqasid Syariah dan Pembangunan Industri Lembu dan Daging Halal di Negara Brunei Darussalam.
2. **Tinjauan dari aspek pengurusan dan urus tadbir kewangan untuk** Industri Lembu dan Daging Halal di Negara Brunei Darussalam menerusi matlamat maqasid syariah iaitu memelihara harta
3. Tinjauan kesedaran dan kefahaman pemilik industri ternakan lembu atau pengeluar produk daging terhadap kepentingan implementasi konsep maqasid syariah dalam mencapai perniagaan yang mampan.

## Kesimpulan

Islam sebagai agama rahmatan lil alamin yang memberikan kesejahteraan kepada seluruh makhluk dan alam. Prinsip maqasid syariah pula adalah begitu strategik dan sangat berpengaruh bagi pembangunan negara dan masyarakat amnya industri ternakan dan produk daging halal adalah merupakan proses jangka panjang yang memerlukan komitmen daripada semua pihak yang berkepentingan. Walau bagaimanapun, hasil penyesuaian strategik ini dijangka akan dapat memberi manfaat kepada industri lembu dan daging halal khususnya dalam hal pertumbuhan ekonomi, peningkatan pengeluaran ternak yang berterusan, dan peningkatan kesejahteraan haiwan. Di samping itu, penyesuaian strategik ini akan membantu memastikan bahawa industri ini mematuhi prinsip-prinsip dan undang-undang Islam. Selain daripada itu juga, penyejajaran strategik maqasid syariah dengan pembangunan industri lembu dan produk daging halal juga adalah dilihat sangat penting bagi memastikan bahawa industri ini dikendalikan secara berterusan dan beretika. Ini akan melibatkan komitmen kepada prinsip-prinsip undang-undang Islam dan pelaksanaan dasar yang berkesan untuk memastikan kesejahteraan haiwan dan alam sekitar. Selain itu, penting untuk memastikan bahawa industri dipantau dan dikawal dengan betul untuk memastikan piawaian dan peraturan diikuti. Dengan berbuat demikian, industri daging sapi akan dapat menyediakan sumber makanan yang berkelanjutan, etika dan halal untuk dunia. Akhirnya, penyelarasan strategik ini akan membawa kepada industri ternak yang lebih cekap.

## Penghargaan

Penghargaan ini ditujukan kepada pihak pentadbiran dan pengurusan UNISSA atas pemberian sejumlah geran penyelidikan bernilai BND\$3,300 bagi menjayakan kajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penyelidikan ini sehingga selesai dilaksanakan terutama sekali kepada para sampel kajian dalam memberikan sumber data yang diperlukan termasuklah juga kepada ahli-ahli penyelidik yang terlibat daripada berlainan fakulti di UNISSA.

## Rujukan

- al-Ghazali, A. H. (1997/1418H). *al-Mustasfa min Ilm al-Usul*. tahq. al-Ashqar, Muhammad Sulaiman.. Beirut: Al-Risalah,
- Groome, J. S. J (1978) *Farming in Brunei: Current system and Prospect for Beef Production*. E-Theses. Durham University. <http://etheses.dur.ac.uk/973>
- Jabatan Perdana Menteri (2018). Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-34, Tahun 2018. <https://www.jpm.gov.bn>
- Khairil A., Mohd Soberi A. & Mualimin M. S., (2021). Maqasid Syariah Menurut Imam Al-Ghazali Dan Aplikasinya Dalam Penyusunan Kompilasi Hukum Islam Di Indonesia. *Malaysian Journal of Syariah and law* 9(2): 75 – 86.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali (2014). Kepentingan Maqasid Syariah dalam Berfatwa di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 4(1): 30-45.
- Muhammad Hadi M. M. (2021). Melayu Islam Beraja: Asas Perpaduan Hidup Bermasyarakat dan Bernegara di Brunei Darussalam. *Sosiohumanika: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 9(2): 75-87.
- Setiyawan Gunard (2019). Maqasid Syariah dan Aplikasinya dalam Bermuamalah Antara Muslim dan Bukan Muslim. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*. 1(2): 31-39.
- al-Shatibi, Abu Ishaq. 1996. *al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah*. Beirut: Dar al Ma'rifah.
- al-Yubi, Muhamad Saad bin Ahmad, (1998). *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiah*. Riyadh: Dar al-Hijrah